



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perlembagaan (Pindaan) 1988
DR.9/1988

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988.

Tajuk ringkas.

2. Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda—

Pindaan Perkara 5.

(a) dengan menggantikan noktah di hujung proviso kepada Fasal (4) dengan noktah bertindih; dan

(b) dengan memasukkan, selepas sahaja proviso itu, proviso-proviso tambahan yang berikut:

“Dengan syarat selanjutnya bahawa dalam pemakaiannya bagi seseorang selain daripada seorang warganegara yang ditangkap atau ditahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan imigresen, Fasal ini hendaklah dibaca seolah-olah perkataan-perkataan “tanpa kelengahan yang tak munasabah, dan walau bagaimanapun dalam tempoh dua puluh empat jam (tidak termasuk masa perjalanan

yang perlu)" telah digantikan dengan perkataan-perkataan "dalam tempoh empat belas hari":

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa dalam hal penangkapan bagi sesuatu kesalahan yang boleh dibicarakan oleh mahkamah Syariah, sebutan-sebutan dalam Fasal ini mengenai seorang majistret hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan-sebutan mengenai seorang hakim mahkamah Syariah."

Pindaan
Perkara 83.

3. Perkara 83 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja Fasal (7), Fasal baru (8) yang berikut:

"(8) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang pemberian tanah di sesuatu Negeri kepada Persekutuan, mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dipersetujui di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, tanpa suatu kehendak oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Perkara ini."

Pemotongan
Perkara 84.

4. Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan memotong Perkara 84.

Penggantian
Perkara 85.

5. Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan menggantikan Perkara 85 dengan yang berikut:

"Pemberian kepada Persekutuan tanah yang dirizabkan bagi maksud-persekutuan. **85. (1)** Jika mana-mana tanah di sesuatu Negeri dirizabkan bagi apa-apa maksud persekutuan, maka Kerajaan Persekutuan boleh menghendaki Kerajaan Negeri, dan kemudiannya adalah menjadi kewajipan Kerajaan itu, menyebabkan tanah itu diberi kepada Persekutuan untuk selama-lamanya tanpa sekatan-sekatan tentang kegunaan tanah itu, tetapi tertakluk kepada pembayaran premium yang akan ditentukan mengikut Fasal (2) dan kepada pembayaran cukai tanah yang berkenaan pada tiap-tiap tahun.

(2) Premium yang disebutkan dalam Fasal (1) hendaklah sama banyak dengan nilai pasaran tanah itu dikurangkan dengan—

(a) nilai pasaran bagi apa-apa pemajuan yang dilakukan (selain daripada atas perbelanjaan Negeri) semasa tanah itu digunakan bagi maksud-maksud persekutuan; dan

(b) amaun, jika ada, yang telah dibayar oleh Persekutuan, atau yang telah dibayar sebelum Hari Merdeka oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, berkenaan dengan kos pengambilan apa-apa kepentingan mengenai tanah itu oleh Kerajaan Negeri.

(3) Tanpa menjejaskan Fasal (1), jika mana-mana tanah di sesuatu Negeri dirizabkan bagi apa-apa maksud persekutuan, maka Kerajaan Persekutuan boleh menawarkan untuk melepaskan tanah itu kepada Negeri dengan syarat bahawa Negeri itu membayar kepada Persekutuan nilai pasaran dan amaun yang disebutkan dalam perenggan (a) dan (b) Fasal (2); dan jika Kerajaan Negeri itu menyetujuterima tawaran itu, maka tanah itu hendaklah terhenti menjadi rizab.

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perkara ini, tanah di sesuatu Negeri yang dirizabkan bagi maksud-maksud persekutuan tidaklah terhenti daripada dirizabkan sedemikian, dan segala tanah yang dirizabkan sedemikian hendaklah dikawal dan diuruskan oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan, dan Kerajaan Persekutuan boleh memberikan apa-apa hak menduduki, mengawal atau menguruskan, atau suatu penyewaan atau pajakan, keseluruhan atau mana-mana bahagian tanah itu, kepada mana-mana orang—

(a) bagi orang itu menggunakan tanah itu untuk apa-apa tempoh bagi maksud

persekutuan yang baginya tanah itu dirizabkan, atau bagi apa-apa maksud yang berdampingan atau bersampingan dengannya; atau

- (b) jika Kerajaan Persekutuan tidak dapat kerana apa-apa jua sebab menggunakan tanah buat sementara itu bagi maksud persekutuan yang baginya tanah itu dirizabkan, bagi orang itu menggunakan tanah itu bagi apa-apa maksud selain daripada maksud persekutuan, untuk apa-apa tempoh dan mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan.

(5) Dalam Perkara ini sebutan mengenai tanah di sesuatu Negeri yang dirizabkan bagi maksud-maksud persekutuan termasuklah—

- (a) mana-mana tanah yang telah dirizabkan sebelum Hari Merdeka mengikut peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang yang ketika itu berkuatkuasa di dalam Negeri itu bagi apa-apa maksud yang telah menjadi suatu maksud persekutuan selepas Hari Merdeka;
- (b) mana-mana tanah yang dirizabkan bagi apa-apa maksud persekutuan selepas Hari Merdeka mengikut peruntukan mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa di dalam sesuatu Negeri;
- (c) mana-mana tanah Kerajaan yang disebutkan dalam Fasal (4) Perkara 166 yang telah dimansuhkan itu; dan
- (d) mana-mana tanah di sesuatu Negeri yang dirizabkan bagi maksud-maksud persekutuan menurut kuasa Fasal (7) Perkara 83.”.

6. Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan menggantikan Perkara 86 dengan yang berikut: Penggantian Perkara 86.

“Pelupusan tanah yang terletak-hak pada Persekutuan. 86. (1) Jika apa-apa kepentingan mengenai tanah adalah terletak-hak pada Persekutuan, atau pada pihak berkuasa awam, bagi apa-apa maksud, maka Persekutuan atau pihak berkuasa awam itu boleh melupuskan kepentingan itu atau apa-apa kepentingan yang lebih kecil mengenai tanah itu kepada mana-mana orang yang didapatinya layak.

(2) Jika apa-apa kepentingan mengenai tanah di sesuatu Negeri dilupuskan oleh atau kepada Persekutuan atau mana-mana pihak berkuasa awam menurut Perkara ini atau Perkara 85, maka adalah menjadi kewajipan Kerajaan Negeri itu mendaftarkan transaksi itu dengan sewajarnya.”.

7. Perkara 118A Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda— Pindaan Perkara 118A.

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “Dewan Rakyat”, perkataan-perkataan “atau Dewan Undangan”; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “Perkara 54 atau 55”, perkataan-perkataan “atau oleh peruntukan yang bersamaan dalam Perlembagaan mana-mana Negeri, mengikut mana yang berkenaan,”.

8. Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda— Pindaan Perkara 121.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Tertaklok kepada Fasal (2) kuasa kehakiman bagi Persekutuan ada-lah terletak pada” di permulaan Fasal (1) dengan perkataan-perkataan “Maka hendaklah ada”;

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “dan juga pada mana² mahkamah bawahan sa-bagaimana yang di-peruntokkan oleh undang² persekutuan” di hujung Fasal (1) dengan perkataan-perkataan “dan mana-mana mahkamah bawahan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan; dan Mahkamah-Mahkamah Tinggi dan mahkamah-mahkamah bawahan hendaklah mempunyai apa-apa bidang kuasa dan kuasa sebagaimana yang diberikan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan”;
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja Fasal (1), Fasal baru (1A) yang berikut:
 “(1A) Mahkamah-mahkamah yang disebutkan dalam Fasal (1) tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah Syariah.”;
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Bidangkuasa yang berikut hendaklah terletak pada” di permulaan Fasal (2) dengan perkataan-perkataan “Maka hendaklah ada”; dan
- (e) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “di-Kuala Lumpur,” dalam Fasal (2), perkataan-perkataan “dan Mahkamah Agung hendaklah mempunyai bidang kuasa yang berikut,”.

Pindaan
Perkara 142.

9. Perkara 142 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan “pengerusi” dalam Fasal (2A), perkataan-perkataan “atau timbalan pengerusi”.

Pindaan
Perkara 145.

10. Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja Fasal (3), Fasal baru (3A) yang berikut:

“(3A) Undang-undang persekutuan boleh memberi kepada Peguam Negara kuasa untuk menentukan mahkamah dalam mana atau tempat

di mana apa-apa prosiding yang dia mempunyai kuasa memulakan di bawah Fasal (3) itu hendaklah dimulakan atau ke mahkamah mana prosiding itu hendaklah dipindahkan.”.

11. Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan Pemotongan
Perkara 158.
memotong Perkara 158.

12. Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Pindaan
Jadual
Kesembilan.
Persekutuan adalah dipinda—

- (a) dengan memotong butiran 24 dalam Senarai Persekutuan (Senarai I);
- (b) dengan memotong perenggan (c) butiran 4 dalam Senarai Negeri (Senarai II);
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja butiran 12 dalam Senarai Negeri (Senarai II), butiran baru 12A yang berikut:
 - “12A. Perpustakaan, muzium, monumen dan rekod purbakala dan sejarah serta tapak dan peninggalan zaman purba, selain daripada apa yang diisytiharkan sebagai Persekutuan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan.”;
- (d) dengan memotong butiran 17 dalam Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak (Senarai IIA); dan
- (e) dengan memasukkan, selepas sahaja butiran 9A dalam Senarai Bersama (Senarai III), butiran-butiran baru 9B dan 9c yang berikut:

“9B. Kebudayaan dan sukan.

9c. Perumahan dan peruntukan-peruntukan bagi kemudahan perumahan; amanah pemajuan.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Perlembagaan Persekutuan.

2. Fasal (4) Perkara 5 memperuntukkan bahawa jika seseorang ditangkap dia hendaklah dibawa ke hadapan majistret dalam tempoh dua puluh empat jam dan tidak boleh ditahan selanjutnya tanpa kebenaran majistret itu. *Fasal 2* Rang Undang-Undang ini bertujuan menambahkan dua proviso baru kepada Fasal (4). Kesan proviso baru yang pertama ialah seseorang, selain daripada seorang warganegara, yang ditangkap atau ditahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan imigresen mestilah dikemukakan ke hadapan majistret dalam tempoh empat belas hari dan tidak dalam tempoh dua puluh empat jam. Proviso baru yang kedua memperuntukkan bahawa dalam penangkapan bagi sesuatu kesalahan yang boleh dibicarakan oleh mahkamah Syariah, sebutan-sebutan dalam Fasal itu mengenai seorang majistret hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan-sebutan mengenai seorang hakim mahkamah Syariah.

3. Di bawah Perkara 83, Kerajaan Persekutuan berkuasa menghendaki mana-mana Kerajaan Negeri memberikan kepada Kerajaan Persekutuan mana-mana tanah yang diperlukan bagi maksud-maksud persekutuan, dan Kerajaan Negeri adalah berkewajipan untuk mematuhi kehendak Kerajaan Persekutuan itu. *Fasal 3* Rang Undang-Undang ini bertujuan menambahkan satu Fasal baru (8) kepada Perkara 83 yang memperuntukkan dengan nyata bahawa sesuatu Negeri boleh memberikan tanah kepada Persekutuan, mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui, tanpa suatu kehendak oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Perkara 83.

4. *Fasal 4* Rang Undang-Undang ini bertujuan memotong Perkara 84 yang membuat peruntukan bagi persembaian kepada Negeri-Negeri tanah yang terletak pada Persekutuan atau pada sesuatu pihak berkuasa awam bagi maksud-maksud persekutuan apabila ia terhenti daripada dikehendaki bagi maksud-maksud persekutuan.

5. Perkara 85 memperkatakan tentang soal tanah yang dirizabkan bagi maksud-maksud persekutuan yang terhenti daripada dikehendaki bagi maksud-maksud itu. Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab menawarkan untuk melepaskan tanah itu kepada Negeri dengan syarat bahawa Negeri itu membuat bayaran-bayaran tertentu kepada Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal (1) Perkara itu. Jika Kerajaan Negeri tidak menerima tawaran itu, Kerajaan Negeri adalah berkewajipan, jika dikehendaki sedemikian oleh Kerajaan Persekutuan, untuk memberikan tanah itu kepada Persekutuan tertakluk kepada bayaran-bayaran tertentu. *Fasal 5* Rang Undang-Undang ini

bertujuan menggantikan Perkara 85. Di bawah Perkara 85 baru, Kerajaan Persekutuan boleh menghendaki Kerajaan Negeri memberikan kepada Kerajaan Persekutuan mana-mana tanah yang dirizabkan bagi maksud-maksud persekutuan, tertakluk kepada bayaran-bayaran tertentu. Kerajaan Persekutuan tidak akan bertanggung menawar untuk melepaskan tanah rizab itu kepada Negeri walaupun ia tidak lagi dikehendaki bagi maksud-maksud persekutuan, tetapi ia boleh berbuat sedemikian. Fasal (4) Perkara baru memberi kuasa-kuasa yang luas kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberikan kepada mana-mana orang hak-hak berhubungan dengan penggunaan tanah yang dirizabkan bagi maksud-maksud persekutuan.

6. Perkara 86 mengawal pelupusan oleh Persekutuan akan apa-apa kepentingan mengenai tanah yang terletak pada Persekutuan. *Fasal 6* Rang Undang-Undang ini bertujuan menggantikan Perkara 86 dengan Perkara 86 baru di bawah mana Persekutuan atau sesuatu pihak berkuasa awam akan bebas melupuskan apa-apa kepentingan mengenai tanah yang terletak padanya.

7. *Fasal 7* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Perkara 118A, yang memperkatakan tentang soal tidak ada pemilihan bagi Dewan Rakyat, supaya menjadikannya terpakai juga berkenaan dengan Dewan Undangan.

8. Perkara 121 memperuntukkan asas perlembagaan bagi kewujudan dua Mahkamah Tinggi, mahkamah-mahkamah bawahan dan Mahkamah Agung. Ia meletakkan kuasa kehakiman Persekutuan pada Mahkamah-Mahkamah Tinggi dan mahkamah-mahkamah bawahan itu, dan ia meletakkan kuasa Mahkamah Agung bidang-bidang kuasa tertentu. *Fasal 8* Rang Undang-Undang ini bertujuan memotong peruntukan-peruntukan perletakhakan itu dalam Perkara 121 dan memperuntukkan dalam *Fasal (1)* Perkara itu bahawa bidang kuasa dan kuasa-kuasa Mahkamah-Mahkamah Tinggi dan mahkamah-mahkamah bawahan adalah sebagaimana yang diberikan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan. *Fasal 8* Rang Undang-Undang ini juga bertujuan menambahkan satu Fasal baru (1A) yang menyatakan bahawa mahkamah-mahkamah tersebut tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa jua perkara yang termasuk dalam bidang kuasa mahkamah Syariah.

9. *Fasal (2A)* Perkara 142 menjadikan tidak layak bagi pengerusi sesuatu Suruhanjaya Perkhidmatan memegang jawatan oleh kerana terlibat dengan cara-cara tertentu dalam apa-apa organisasi atau badan atau dalam apa-apa pengusahaan komersial atau perindustrian. *Fasal 9* Rang Undang-Undang ini bertujuan memasukkan timbalan pengerusi sesuatu Suruhanjaya Perkhidmatan ke dalam liputan Fasal itu.

10. *Fasal 10* Rang Undang-Undang ini bertujuan menambahkan kepada Perkara 145 satu Fasal baru (3A) yang akan membolehkan undang-undang persekutuan memberikan kepada Peguam Negara kuasa untuk menentukan mahkamah-mahkamah dalam mana atau tempat di mana apa-apa prosiding yang dia berkuasa memulakan hendaklah dimulakan atau ke mahkamah mana prosiding-prosiding itu hendaklah dipindahkan.

11. *Fasal 11* Rang Undang-Undang ini bertujuan memotong Perkara 158, yang membolehkan dibuat atau diteruskan perkiraan-perkiraan yang berhubungan dengan Kerajaan Brunei dalam perkara-perkara pentadbiran, perkhidmatan dan kuasa eksekutif.

12. *Fasal 12* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Senarai-Senarai Undangan dalam Jadual Kesembilan:

- (a) Butiran 24 Senarai I dan butiran 4 (c) Senarai II, yang berhubungan dengan perumahan dan amanah pemaian, adalah dipotong, dan perkara itu diletakkan dalam Senarai III sebagai butiran 9c.
- (b) Perkara 17 Senarai IIA, yang berhubungan dengan perpustakaan, muzium, monumen dan rekod purbakala dan sejarah serta tapak dan peninggalan zaman purba, adalah dipotong, dan perkara itu diletakkan dalam Senarai II sebagai butiran 12A.
- (c) Satu perkara baru, kebudayaan dan sukan, diletakkan dalam Senarai III sebagai butiran 9B.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1479.]